

24 SEP 1998

DANA-SAHAM/I

LEBIH BANYAK DANA BAGI SAHAM ELOK UTK PASARAN SAHAM TETAPI BERISIKO

KUALA LUMPUR, 24 Sept (Bernama) -- Langkah Bank Negara Malaysia (BNM) untuk membenarkan lebih banyak dana yang diperuntukkan oleh bank-bank dan syarikat kewangan bagi pembiayaan saham adalah baik bagi pasaran saham tetapi ia juga mempunyai risiko.

Seorang pengurus penyelidik di sebuah firma broker berkata aliran masuk dana akan mudah merangsangkan pasaran dengan Indeks Komposit mencapai paras 500 hingga 700 mata.

Bagaimanapun, bank-bank dan syarikat kewangan mungkin dibebankan oleh risiko tambahan jika ia tidak diuruskan dengan berhemat memandangkan kepada suasana ekonomi yang perit ketika ini, katanya.

Walaupun kadar faedah telah turun dengan banyak bagi membantu mudah tunai, beliau berkata masalah pinjaman tidak berbayar (NPL) masih membebani pertumbuhan ekonomi negara.

"Dengan pengkelasan tempoh bagi NPL dilonggarkan kepada enam bulan daripada tiga bulan dan keperluan peruntukan pinjaman lapuk ditarik balik pada Jan, 1999, orang ramai tidak perlu lagi membayar bayaran ansuran mereka," jelasnya.

Pada Selasa, BNM mengumumkan langkah-langkah melonggarkan beberapa peraturan perbankan untuk merangsangkan pasaran saham sebagai sebahagian daripada usaha-usaha kerajaan untuk memulihkan pertumbuhan ekonomi.

Langkah-langkah itu termasuklah menurunkan pembiayaan saham yang dihadkan kepada 20 peratus daripada 15 peratus, pengkelasan tempoh bagi pinjaman tidak berbayar dan menarik semula keperluan bagi peruntukan pinjaman lapuk.

Industri perbankan negara yang sebelum ini berdepan dengan masalah peningkatan NPL telah memaksa BNM mengenakan sekatan ke atas pembiayaan bagi sektor tidak produktif seperti hartanah dan pembelian saham.

"Keadaan berubah bila Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad mengejutkan dunia dengan memilih untuk merawat ekonomi negara menerusi kaedah pengembangan tidak konvensional," katanya.

Kaedah pengembangan itu membabitkan meletakkan lebih banyak mudahtunai ke dalam sistem yang memberikan ruang kepada kuasa bekalan dan permintaan di mana sebagai pulangnya memulihkan pertumbuhan ekonomi, tambahnya.

-- BERNAMA

MFZ ZK MA